

1740MST 14 03 85

U B245 AAB

MAHATHIR-LAKSA R R R

1985

KUALA PERLIS, 14 MAC (BERNAMA) -- PENGUSAHA-PENGUSAHA LAKSA DI SINI HARI INI DIGESA SUPAYA MENCONTOHI SEBUAH PENGUSAHA MAKANAN TERKENAL AMERIKA, MCDONALD'S DALAM MENGEMBANGKAN MAKANAN LAKSA DI SELURUH NEGARA.

PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA KUALA PERLIS MEMANG TERKENAL DENGAN JUALAN LAKSANYA DAN IA HARUS DIKEMBANGKAN SEBAGAI SATU PERUSAHAAN YANG MENJADI SUMBER PENDAPATAN PENTING.

KETIKA BERUCAP KEPADA RIBUAN PENDUDUK YANG MENYAMBUUTNYA DI SINI, BELIAU BERKATA DALAM PERKARA INI PERMULAAN DAN SETERUSNYA PERKEMBANGAN MCDONALD'S BOLEH DIJADIKAN CONTOH.

+KENAPAKAH PENGUSAHA-PENGUSAHA LAKSA DI SINI TIDAK MENJADIKAN KEJAYAAN MCDONALD'S SEBAGAI SATU CONTOH YANG BAIK ASALKAN KITA MAHU LAKSA KUALA PERLIS BOLEH TERKENAL BUKAN SAHAJA DI MALAYSIA MALAHAN DI PERINGKAT ANTARABANGSA.+

BAGAIMANAPUN, PERDANA MENTERI MENINGATKAN APA JUA PERUSAHAAN YANG INGIN DIMAJUKAN HARUSLAH DILAKUKAN DENGAN BAIK DAN TERSUSUN.

--LAGI

1720MST 14 03 85

D564

U B246 AAB

MAHATHIR-LAKSA 2 KUALA PERLIS R R

+KALAU PUN KERAJAAN MENYEDIAKAN SEBUAH RESTORAN SEBESAR MAHLIGAI, TANPA USAHA YANG BETUL TENTU TIDAK AKAN MAJU,+ TEGASNYA.

SETERUSNYA DATUK SERI DR. MAHATHIR MENYERU RAKYAT MEMIKIRKAN BERSAMA-SAMA KERAJAAN BAGAIMANAKAH CARANYA HENDAK MENDATANGKAN KEMAJUAN YANG LEBIH LUAS KEPADA RAKYAT DAN NEGARA.

KATANYA KERAJAAN TELAH MEWUJUDKAN PELBAGAI SLOGAN SEPERTI KEPIMPINAN MELALUI TELADAN DAN BERSIH, CEKAP DAN AMANAH BERTUJUAN UNTUK MENARIK RAKYAT KEPADA PENGHIDUPAN YANG LEBIH SEMPURNA.

BELIAU JUGA MENGGESE RAKYAT PELBAGAI KAUM MEMASTIKAN PERPADUAN DAN HARMONI YANG TERJALIN PADA MASA KINI BERTERUSAN.

MENGENAI PEMBANGUNAN, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA KERAJAAN MEMANG INGIN MELIHAT SETIAP KAWASAN MENIKMATI PEMBANGUNAN SEBAGAIMANA YANG DIHAJATI.

TETAPI, KATA PERDANA MENTERI, DEMI MEMANDANGKAN KEADAAN KEWANGAN YANG TIDAK MENGIZINKAN, PERUNTUKAN TERPAKSA DIAGIH-AGIHKAN SECARA ADIL DI SELURUH NEGARA.

PERDANA MENTERI YANG DIIRINGI OLEH MENTERI BESAR, DATUK HAJI ALI HAJI AHMAD KEMUDIAN MELAWAT PULAU KETAM YANG BERTAMPAHAN.--BERNAMA
1723MST 14 03 85

HOWEVER, FINANCIAL CONSTRAINTS HAD FORCED THE GOVERNMENT TO EXERCISE FAIRNESS IN DISTRIBUTING THE MONEY FOR DEVELOPMENT THROUGHOUT THE COUNTRY, HE SAID.

DATUK SERI DR MAHATHIR, WHO WAS ACCOMPANIED BY PERLIS MENTERI BESAR DATUK HAJI ALI HAJI AHMAD, THEN VISITED NEARBY PULAU KETAM. --BERNAMA